

## Soalan Lazim :

**1. Bagaimanakah kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan kaedah penaksiran yang akan dilaksanakan selepas ini?**

Bermula dari 6 April 2020, PdP akan dilaksanakan dalam talian sepenuhnya. Penaksiran pula masih berjalan seperti biasa, dan penghantaran tugas dll. boleh dilakukan menggunakan e-mel dan sebagainya. Namun, Peperiksaan Akhir akan dilaksanakan pada 11 – 24 Mei 2020 secara bersemuka. Pindaan Kalender Akademik Bahagian 1, Sidang Akademik 2020 untuk program Pascasiswazah boleh dirujuk dalam laman sesawang Pusat Pengajian Siswazah (PPS).

**2. Bagaimana jika saya kurang/tiada capaian internet untuk mengikuti PdP secara dalam talian ?**

Tenaga pengajar akan mempelbagaikan alternatif penyampaian bagi memastikan semua pelajar mendapat akses kepada bahan pengajaran yang disampaikan. Walau bagaimanapun, bagi para pelajar yang kurang/tiada capaian internet dan tiada alternatif lain untuk mengikuti PdP secara *online* serta tidak dapat pulang ke kampus untuk PdP bersemuka akan dinasihatkan untuk menangguhkan pengajian bagi Semester 1.

**3. Bagaimanakah sesi pertemuan secara dalam talian diselenggarakan?**

Jadual Waktu Kuliah sedia ada akan diguna pakai bagi mengelakkan pertindihan waktu pertemuan dengan pelajar.

**4. Bilakah jangkaan pelajar dibenarkan pulang ke kampus?**

Sekiranya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat, dalam tempoh minggu kuliah sedang berlangsung, pelajar akan meneruskan PdP dalam talian sehingga tamat. Pelajar hanya dibenarkan pulang ke kampus untuk menduduki peperiksaan akhir secara bersemuka pada 11 – 24 Mei 2020. Walaubagaimanapun, ini tertakluk kepada arahan dari Pihak Universiti dan pelajar dinasihatkan untuk berhubung dengan PPS sebelum kembali ke

Universiti. Pihak Universiti akan menyelaraskan pergerakan pelajar kembali ke kampus secara berperingkat bagi memastikan proses saringan susulan COVID-19 dapat dilaksanakan dengan teratur dan lancar.

**5. Bagaimana pula sekiranya Peperiksaan Akhir secara bersemuka tidak dapat dilaksanakan pada 11 – 24 Mei 2020?**

Sekiranya ini berlaku, pihak Universiti akan menentukan tarikh minggu Peperiksaan Akhir yang sesuai sebelum bermula semester seterusnya. PPS akan membuat hebahan kepada pelajar berkenaan perkara ini dari semasa ke semasa.

**6. Bolehkan saya meneruskan kerja-kerja penyelidikan di makmal sepanjang tempoh PKP ini?**

PPS menyarankan kerja-kerja penyelidikan dalam makmal ditangguhkan dahulu dalam tempoh PKP ini. Namun, bagi pelajar yang terpaksa juga meneruskan kerja penyelidikan, kebenaran khas perlu diperolehi daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui permohonan secara bertulis yang disokong oleh Pusat Pengajian berkaitan sebelum dihantar melalui PPS.

**7. Apakah kaedah Pembentangan Cadangan Penyelidikan dan Pra-viva dalam tempoh PKP ini?**

Pembentangan Cadangan Penyelidikan dan Pra-Viva dibenarkan dilakukan sepenuhnya dalam talian ketika tempoh PKP ini di peringkat PTj masing-masing

**8. Adakah salinan 8 naskah tesis untuk penilaian pemeriksa boleh dihantar dalam tempoh PKP ini?**

Salinan 8 naskah tesis untuk tujuan penilaian pemeriksa boleh dihantar dalam bentuk *softcopy* (format .pdf) dengan meng-e-mel kepada [exam\\_cgs@unimap.edu.my](mailto:exam_cgs@unimap.edu.my). Salinan *hardcopy* perlu dihantar selepas tempoh PKP tamat.

**9. Adakah akan ada sesi *viva-voce* dalam tempoh PKP ini?**

Tiada sesi *viva-voce* dijalankan dalam tempoh PKP ini.

**10. Jika tiada sesi *viva-voce* boleh dijalankan dalam tempoh PKP ini, mengapa garis panduan *viva-voce* dalam talian diwujudkan?**

Peperiksaan lisan atau *Viva-voce* secara bersemuka adalah lebih efektif. Namun begitu, Universiti menyediakan kelonggaran dengan menyediakan platform untuk dijalankan sesi *viva-voce* secara dalam talian. Sesi *viva-voce* dalam talian tidak hanya terpakai dalam tempoh PKP. Terdapat dua kelonggaran yang dibenarkan untuk dijalankan *viva-voce* dalam talian iaitu:

- Kekangan kehadiran oleh Pemeriksa Luar  
Ini berlaku atas permintaan Pemeriksa Luar yang tidak dapat hadir secara bersemuka disebabkan perkara yang munasabah. Ahli panel lain serta pelajar hadir secara bersemuka.
- Kekangan kehadiran oleh pelajar  
Kelonggaran ini dibenarkan sekiranya pelajar tidak dapat hadir ke kampus kerana situasi di negara asal/tempat asal yang tidak membolehkan pelajar hadir ke kampus dalam tempoh PKP. Permohonan rasmi kepada Dekan Pusat Pengajian Siswazah melalui Dekan PTj masing-masing. Justifikasi kukuh berserta sokongan dari Dekan PTj diperlukan untuk tujuan ini.

Pelaksanaan *viva-voce* dalam talian adalah tertakluk kepada garis panduan yang telah ditetapkan.

### **11. Adakah salinan 3 naskah tesis untuk tujuan pengijazahan boleh dihantar dalam tempoh PKP ini?**

Salinan 3 naskah tesis akhir yang telah disahkan oleh panel *viva-voce* boleh dihantar dalam bentuk *softcopy* (format .pdf) dengan meng-e-mel kepada [exam\\_cgs@unimap.edu.my](mailto:exam_cgs@unimap.edu.my). Salinan *hardcopy* perlu dihantar selepas tempoh PKP tamat.

### **12. Bagaimanakah saya boleh menghubungi PPS dalam tempoh PKP ini?**

Untuk sebarang pertanyaan, e-mail kepada [cgs@unimap.edu.my](mailto:cgs@unimap.edu.my).